GARIS PANDUAN
PEMBINAAN DAN PENGURUSAN DATARAN PERINGATAN DAN SEUMPAMANYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

1. TUJUAN

Garis Panduan **Pembinaan Dan Pengurusan Dataran Peringatan Dan Seumpamanya Menurut Perspektif Islam** ini disediakan untuk memberi panduan dan rujukan kepada pihak yang terlibat dalam **membina dan mengurus Dataran Peringatan dan Seumpamanya**.

2. PENDAHULUAN

2.1 Pada masa kini, pelbagai pihak samada dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis, Muzium, Universiti dan sebagainya mula mengambil pendekatan membina dataran peringatan, medan pahlawan, tugu, monumen, batu bersurat, batu berukir nama dan seumpamanya bagi pelbagai tujuan.

2.2 Tujuan pembinaan dataran peringatan dan seumpamanya adalah sebagai monumen sejarah bagi mengenang jasa tokoh-tokoh dan perajurit negara yang telah terkorban sewaktu mempertahankan agama, kedaulatan dan keamanan negara. Di samping itu, pembinaan tersebut juga sebagai simbol penghargaan yang diberikan kepada para tokoh ilmuwan dan akademik,ahli ekonomi, politik dan sebagainya. Adakalanya, ianya dibina sebagai tanda menunjukkan bahawa sesuatu tempat itu mempunyai sejarah yang tertentu.

3. KEPUTUSAN MUZAKARAH FATWA KEBANGSAAN

3.1 Keputusan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke – 19 (Kertas Bilangan 7/19/87) yang bersidang pada 7 Oktober 1987 berkaitan " **Hari Kenangan Rakan Seperjuangan di Tugu Negara** " memutuskan:

a) Amalan-amalan seperti tiupan "Last Post", bertafakur dengan menundukkan kepala selama 20 saat, meletakkan kalungan bunga, bacaan sajak, nyanyian dan tiupan "Rouse" yang dilakukan di hadapan tugu dalam upacara menyambut Hari Kenangan Rakan Seperjuangan oleh Angkatan Tentera Malaysia adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa syirik.

b) Bacaan sajak yang boleh menimbulkan semangat kepahlawanan adalah diharuskan dengan syarat tidak dilakukan di hadapan tugu atau di tempat-tempat atau dalam suasana yang dilarang oleh syarak[1].

3.2 Keputusan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke – 39 (Kertas Bilangan 6/39/95) berkaitan "**Istiadat Meletakkan Kalungan Bunga di Tugu Negara Sempena Hari Pahlawan**" memutuskan:

a) Meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara sempena sambutan Hari Pahlawan adalah sama dengan keputusan yang telah diambil dalam Muzakarah Jawantankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang bersidang pada 7 Oktober 1987 iaitu bercanggah dengan Islam dan boleh membawa syirik[2].

3.3 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke – 86 (kertas Bilangan 1/86/2009) pada 21-23 April 2009 telah memutuskan "**Hukum Pembinaan Monumen Peringatan Bagi Angkatan Tentera Malaysia**" seperti berikut :

a) Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa Islam menegah umatnya melakukan apa jua perbuatan dan amalan yang mempunyai unsur-unsur

---

1 ___________________, *Hari Kenangan Rakan Seperjuangan di Tugu Negara*, (Kuala Lumpur:Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1987), m. 28. Kertas kerja ini dibentangkan di Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-19 pada 7 Oktober 1987.

2 _______________, Istiadat Meletakkan Kalungan Bunga di Tugu Negara Sempena Hari Pahlawan, (Kuala Lumpur:Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1995), m. 28. Kertas kerja ini dibentangkan di Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-39 pada tahun 1995

syirik dan menyerupai amalan jahiliyyah serta berlebih-lebihan dan membazir. Oleh itu, Islam mengharamkan perbuatan membina, mengukir atau memahat apa jua bentuk patung sama ada manusia atau haiwan untuk tujuan peringatan atau sebagainya.

b) Walau bagaimanapun, sekiranya binaan tanda peringatan tersebut hanya mengandungi ukiran nama atau bentuk selain daripada manusia dan haiwan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa ia adalah diharuskan selagi mana tidak berlaku pembaziran dan perbuatan-perbuatan yang boleh menjejaskan akidah seperti unsur-unsur pemujaan dan amalan-amalan lain yang bertentangan dengan syarak.

c) Acara-acara seperti Majlis Bacaan Doa Selamat, Yasin, Tahlil dan sebagainya tidak boleh dilakukan di hadapan binaan peringatan tersebut dan hendaklah dilakukan di tempat berasingan seperti masjid atau bangunan berhampiran semasa meraikan perayaan-perayaan yang berkaitan.

3.4 Muzakarah juga bersetuju supaya JAKIM menyediakan satu garis panduan binaan tanda peringatan untuk rujukan semua agensi Kerajaan dan swasta serta masyarakat awam.

4. KANDUNGAN GARIS PANDUAN

4.1 Garis panduan ini mengandungi perkara-perkara berikut:

i. Takrif
ii. Bentuk Pembinaan Dataran/Medan Pahlawan
iii. Nama Dataran/Medan Pahlawan
iv. Acara-acara yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan.
v. Kesimpulan

5. TAKRIF :

5.1 Dataran

Maksud dataran ialah kawasan (tempat, tanah) yang datar. Maksud yang kedua ialah padang atau lapangan. (*Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat, Tahun 2004*).

5.2 Medan

Maksud medan ialah tanah lapang, padang, arena, kawasan, lapangan dan lingkungan. Maksud yang kedua ialah kawasan yang terhad (untuk sesuatu). (*Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat, Tahun 2004*).

5.3 Peringatan

Maksud peringatan ialah sesuatu yang digunakan untuk memperingati atau mengenang sesuatu; kenang-kenangan. (*Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat, Tahun 2004*).

Oleh yang demikian dataran atau medan peringatan ialah sesuatu padang, lapangan, atau kawasan yang dibina untuk memperingati sesuatu atau mengenang sesuatu.

5.4 Tugu

Maksud tugu ialah tiang besar dan tinggi yang dibina daripada batu dan lain-lain. Tugu peringatan ialah tiang batu yang dibina untuk memperingati sesuatu (keguguran pahlawan dalam peperangan dll) (*Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat, Tahun 2004*).

5.5 Monumen

Bangunan (patung dan lain-lain) yang dibina untuk memperingati seseorang atau sesuatu peristiwa penting (Kamus Dewan Bahasa,Edisi Keempat, Tahun 2004).

5.6 Batu Tanda

Batu yang menunjukkan peristiwa penting dalam sejarah, kehidupan dan lain-lain (Kamus Dewan Bahasa, Edisi Keempat, Tahun 2004).

5.7 Last Post :

Lagu last post dimainkan apabila pegawai selesai memeriksa post kawalan terakhir dan menandakan keadaan selamat dan aktiviti harian boleh ditamatkan pada hari itu dengan selamat.

5.8 Rouse :

Tiupan untuk menaikkan bendera.

6. BENTUK PEMBINAAN DATARAN PERINGATAN DAN SEUMPAMANYA

6.1 Pada masa kini, kebanyakan Dataran Peringatan dan seumpamanya mempunyai pelbagai bentuk seperti bentuk patung (manusia atau haiwan), bangunan, batu-batan (batu bersurat) dan sebagainya. Para ulama dan fuqaha seperti Imam al-Nawawi[3], Ibnu al 'Arabi[4], Syeikh Hasanain Muhammad Makhluf (mantan mufti negara Mesir)[5], Dr. Yusuf al-Qaradawi[6] dan lain-lain lagi melarang perbuatan mengukir dan memahat patung. Banyak hadith yang melarang perkara yang sedemikian antaranya ialah :

عَنْ عَبْدِ اللهِ قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ إِنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَذَابًا

عِنْدَ اللهِ يَوْمَ القِيَامَةِ الْمُصَوِّرُون

(رواه البخاري)

[3] Al-Nawawi, Zakaria Muhyi al-Din, *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab lil Shirazi*, (Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi, 2001), jil 23, m. 80.
[4] Hasanain Muhammad Makhluf, *Fatawa Shariyyah wa Buhuth Islamiyyah*, (Mesir: Dar al-Kitab al-Arabi, 1951), m. 155.
[5] Ibid.
[6] Al-Qaradawi, Yusuf, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, (Beirut: al-Maktab al-Islami, 1994), m. 112-113.

Maksudnya "Daripada Abdullah berkata aku mendengar Nabi S.A.W bersabda : Sesungguhnya orang yang paling berat siksaannya nanti di Hari Kiamat ialah orang yang membuat gambar (patung) [7]**.**

(Riwayat al-Bukhari)

6.2 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-86 yang telah bersidang pada 21-23 April 2009 telah memutuskan bahawa pembinaan dataran peringatan dan seumpamanya oleh pihak ATM atau mana-mana pihak yang hanya mengandungi **ukiran nama** dan **diukir bentuk selain daripada patung (manusia dan haiwan)** adalah diharuskan kerana tujuannya hanya sebagai peringatan sahaja dan bukan untuk diagung-agungkan.

6.3 Oleh yang demikian, pembinaan dataran peringatan dan seumpamanya oleh mana-mana pihak yang berbentuk patung (manusia dan haiwan) serta apa-apa bentuk yang bertentangan dengan syarak adalah **diharamkan** dan **tidak dibenarkan sama sekali**[8]**.**

6.4 Apa-apa binaan dan ukiran selain daripada bentuk patung (manusia dan haiwan) dan yang bertentangan dengan syarak adalah dibenarkan. Di antara contoh-contoh bentuk binaan dan ukiran yang dibenarkan bagi dataran peringatan dan seumpamanya adalah seperti berikut [9]:

i. Batu Bersurat (sejarah sesuatu tempat).
ii. Batu yang diukir nama (perajurit negara, ilmuwan dan sebagainya), kata-kata hikmah dan sebagainya yang tidak mempunyai unsur-unsur yang bertentangan Islam.
iii. Monumen bangunan (bangunan bersejarah, masjid), dan sebagainya yang tidak bertentangan dengan Islam.
iv. Monumen bunga dan tumbuhan seperti monumen alaf baru kebangsaan yang berbentuk bunga raya dan sebagainya.

---

[7] Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, (Riyadh: Dar al-Salam, 2000), Kitab al-Libas, Bab Azab al-Musawwirin yaum al-Qiyamah, Hadith. 5950, jil. 10, m. 469.
[8] Contoh pembinaan Dataran Peringatan yang dilarang, sila lihat **Lampiran 1.**
[9] Contoh pembinaan Dataran Peringatan yang dibenarkan, sila lihat **Lampiran 2**.

v. Binaan yang melambangkan sesuatu kesenian seperti tugu keris di Klang.

vi. Binaan berkenaan bukan bertujuan untuk pemujaan.

6.5 Sebarang bentuk binaan Dataran Peringatan dan seumpamanya tidak melibatkan kos yang tinggi sehingga menyebabkan berlakunya pembaziran wang negara ataupun mana-mana pihak.

6.6 Sebarang bentuk binaan Dataran Peringatan yang bertujuan untuk pemujaan atau dibina menggunakan bahan yang diharamkan syarak adalah dilarang sama sekali.

7. NAMA DATARAN / MEDAN

7.1 Mana-mana pihak yang terlibat dengan pembinaan dan pengurusan dataran boleh meletakkan apa-apa sahaja nama selagi nama tersebut tidak menunjukkan makna yang tidak elok dan yang bertentangan dengan syarak. Bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham masyarakat berkaitan dengan istilah tugu dan monumen yang selalu dikaitkan dengan patung, maka contoh nama yang disyorkan adalah seperti berikut[10] :

i. Dataran Peringatan/Pahlawan/Ilmu/Bandaraya/Sejarah dan lain-lain lagi.

ii. Medan Peringatan/Pahlawan/Ilmu/Bandaraya/Sejarah dan lain-lain lagi.

iii. Mercu Peringatan/Pahlawan/Ilmu/Bandaraya/Sejarah dan lain-lain lagi.

---

[10] Mana-mana pihak yang masih lagi ingin menggunakan istilah Tugu atau Monumen adalah dibenarkan dan tidak ada halangan sama sekali.

8. ACARA-ACARA YANG TIDAK DIBENARKAN DAN YANG DIBENARKAN OLEH SYARAK

8.1 Acara Yang Tidak Dibenarkan :

8.1.1 Berdasarkan kepada keputusan MJKF ke – 19 40, dan 86 jelas menunjukkan bahawa **tidak ada apa-apa upacara seperti Majlis Peringatan termasuk Majlis Bacaan Yasin, Tahlil, Doa Selamat dan sebagainya yang boleh dilakukan di hadapan binaan (tugu dan monumen) dan kawasan sekitar dataran tersebut**. Di antara contoh acara-acara yang tidak dibenarkan :

i. Pemujaan.
ii. Acara menepung tawar.
iii. Bertafakur.
iv. Meletakkan kalungan bunga.
v. Bacaan sajak.
vi. Nyanyian.
vii. Tiupan *"Last Post"*.[11]
viii. Tiupan *"Rouse"*.
ix. Berdoa.
x. Memberi tabik hormat; dan
xi. Acara-acara lain yang bercanggah dengan Islam, *tasyabbuh* (menyerupai) amalan masyarakat Jahiliyyah, dan boleh membawa kepada syirik.

8.2 Acara-Acara Yang Dibenarkan :

8.2.1 Mana-mana pihak yang ingin menganjurkan apa-apa acara yang dibenarkan syarak, maka acara tersebut **tidak boleh diadakan di hadapan binaan sebaliknya mestilah diadakan di luar daripada kawasan dataran peringatan dan seumpamanya atau di tempat**

[11] Tiupan *"Last Post"* tidak dibenarkan dalam upacara pengebumian oleh mana-mana pihak yang berkaitan.

berasingan[12]. Oleh yang demikian, acara-acara yang yang dibenarkan boleh diadakan di tempat-tempat yang berikut sebagai contoh:

i. Mengadakan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil, dan Doa Selamat di masjid.

ii. Mengadakan Majlis Penghargaan Memperingati Tokoh-tokoh akademik,ekonomi dan sebagainya di dewan.

iii. Mengadakan Sambutan Hari Ulangtahun Penubuhan dan Kenangan Hari Bersejarah di mana-mana tempat luar daripada kawasan dataran.

8.2.2 Di samping itu, dianjurkan cadangan bagi pihak yang terlibat secara khusus dengan acara tahunan sebagai contoh ATM, Polis dan lain-lain seperti berikut [13]:

i. Mengadakan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil, dan Doa Selamat Perdana di masjid atau di tanah perkuburan sempena memperingati Hari Pahlawan.

ii. Mengadakan Majlis Makan Malam Perdana Peringkat Nasional. Majlis tersebut boleh dipenuhi dengan acara-acara seperti berikut :
    a. Bacaan doa.
    b. Bacaan sajak.
    c. Nyanyian lagu patriotik.
    d. Penganugerahan Tokoh Pahlawan.
    e. Penghargaan kepada waris perajurit negara yang terkorban sewaktu menjalankan tugas negara.
    f. Tayangan multimedia Tokoh Pahlawan; dan

---

[12] Jikalau Dataran Peringatan tersebut tidak mempunyai apa-apa bentuk binaan tugu atau monumen maka dibenarkan acara-acara yang tidak bertentangan dengan syarak dan menjejaskan akidah dilakukan di dalam atau luar kawasan dataran peringatan dan seumpamanya.

[13] Mana-mana pihak selain daripada pasukan beruniform (ATM, Polis dan lain-lain) boleh menggunakan mana-mana cadangan di atas yang bersesuaian bagi apa-apa acara (yang tidak bertentangan dengan syarak) yang akan diadakan.

g. Acara-acara lain yang bersesuaian dan tidak bertentangan dengan syarak.

iii. Mengadakan Majlis Perbarisan Memperingati Perajurit Negara. Majlis tersebut boleh diadakan di Padang Kawad dengan syor pengisian acara-acara seperti :

a. Bacaan doa
b. Ucapan Kolonel YDP RAMD, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Panglima ATM dan wakil bagi waris perajurit negara yang terkorban.
c. Bacaan sajak
d. Nyanyian lagu patriotik
e. Membuat persembahan kawad serta memberi tabik hormat pada waris perajurit negara yang telah terkorban.
h. Penganugerahan Tokoh Pahlawan.
i. Penghargaan kepada waris perajurit-perajurit negara yang terkorban sewaktu menjalankan tugas negara.
j. Tayangan multimedia Tokoh Pahlawan; dan
k. Acara-acara lain yang bersesuaian dan tidak bertentangan dengan syarak.

9. KESIMPULAN

Garis Panduan ini diharap dapat memberikan panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pembinaan dan pengurusan Dataran Peringatan dan seumpamanya agar mematuhi fatwa yang telah ditetapkan supaya ianya selaras dengan nilai-nilai syariat dan akhlak Islam.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

RUJUKAN

1. Al-Nawawi, Zakaria Muhyi al-Din. (2001). *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab lil Shirazi*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi.
2. Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. (2000). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam.
3. Hasanain Muhammad Makhluf. (1951). *Fatawa Shariyyah wa Buhuth Islamiyyah*. Mesir: Dar al-Kitab al-Arabi.
4. Al-Qaradawi, Yusuf. (1994). *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
5. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-19, *Hari Kenangan Rakan Seperjuangan di Tugu Negara*.
6. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-40, *Istiadat Meletakkan Kalungan Bunga di Tugu Negara Sempena Hari Pahlawan*.
7. ____________, (2004). Edisi Ke- 4. *Kamus Dewan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.